

Koperasi Kredit Luar Bandar (KKLB): Impaknya ke atas Sosioekonomi Melayu Luar Bandar di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1922-1940

Rural Credit Cooperative Society (RCCS): Its Socioeconomic Impact on Rural Malays in the Federated Malay States, 1922-1940

SITI NOOR HAFIZAH MOHAMED SHARIF

Received: 25 June 2024 / Accepted: 12 March 2025

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan matlamat dan kesan penubuhan Koperasi Kredit Luar Bandar (KKLB) oleh pentadbiran British ke atas orang Melayu luar bandar di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu antara tahun 1922 hingga 1940. KKLK ditubuhkan bagi menyediakan kemudahan kredit alternatif kepada orang Melayu yang sebelum ini bergantung kepada ceti dan pemiutang Cina dengan kadar faedah yang tinggi, hingga mengakibatkan kehilangan tanah. Melalui KKLK, kerajaan berharap dapat mengurangkan kebergantungan ini tanpa menanggung kos yang besar kerana dana KKLK diperoleh daripada simpanan tetap tahunan ahli koperasi. Ahli yang menyimpan layak meminjam bagi tujuan tertentu seperti yang ditetapkan koperasi. Namun, penulisan ini berhujah bahawa KKLK gagal memberi impak signifikan kepada peningkatan sosioekonomi orang Melayu luar bandar. Majoriti orang Melayu tidak mampu menjadi ahli atau mengekalkan keahlian mereka dalam koperasi disebabkan kekurangan kewangan akibat harga tanaman yang rendah, sekatan ke atas tanaman tertentu, serta perundangan tanah yang menyulitkan. Maka, KKLK tidak berjaya menyelesaikan masalah utama seperti hutang dan kehilangan tanah yang membelenggu mereka. Skop masa penulisan ini bermula pada tahun 1922 melalui pewartaan Cooperative Societies Enactment yang membawa kepada pelaksanaan KKLK kemudiannya. Kajian ini berakhir tahun 1940 menjelang pendudukan Jepun. Penulisan ini menggunakan pendekatan sejarah yang menekankan analisis sumber primer, iaitu Annual Report on the Working of Co-operative Societies, Selangor Secretariat File, Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Perak, FMS Government Gazette, dan akhbar sezaman.

Kata kunci: Koperasi Kredit Luar Bandar; Cooperrative Societies Enactment 1922; kemiskinan; ekonomi Melayu luar bandar; kemudahan kredit

ABSTRACT

This article discusses the objectives and impact of the Rural Cooperative Credit Societies (RCCS) established by the British administration for rural Malays in the Federated Malay States between 1922 and 1940. The RCCS aimed to provide an alternative credit facility for Malays, who had previously depended on Indian moneylenders and Chinese creditors imposing high-interest rates, often resulting in land loss. The British administration sought to reduce this dependency without incurring major costs, as RCCS funds were sourced from members' annual fixed deposits. Members who contributed were eligible to apply for loans for specific purposes set by the cooperative. This article argues that the RCCS failed to significantly improve the socio-economic conditions of rural Malays. Most were unable to join or sustain membership due to financial difficulties arising from low crop prices, restrictions on certain crops, and legal constraints on land. Consequently, the RCCS proved ineffective in addressing persistent challenges such as debt and land dispossession. The study's timeframe begins in 1922, with the gazettement of the Cooperative Societies Enactment, which paved the way for the RCCS, and ends in 1940, on the eve of the Japanese occupation. The article employs a historical approach, focusing on the critical analysis of primary sources, namely the Annual Report on the Working of Co-operative Societies, Selangor Secretariat File, Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Perak, FMS Government Gazette, and newspaper excerpts published during the period.

Keywords: Rural Credit Cooperatives Society; Cooperrative Societies Enactment 1922; poverty; rural Malay economy; credit facility

PENGENALAN

Antara isu utama yang membelenggu orang Melayu semasa penjajahan British adalah isu hutang yang membawa kepada kehilangan tanah. Penyebab kepada gejala berhutang orang Melayu ini lazimnya dikaitkan dengan amalan sosial orang Melayu yang dikatakan gemar berhutang demi kepentingan sosial seperti menunaikan haji (Aiza & Mahani 2023), perbelanjaan untuk tujuan perayaan dan kenduri kendara seperti kenduri perkahwinan yang menelan perbelanjaan yang tinggi (A. Rahman Tang & Mohd. Sohaimi 2021). Hal ini menenggelamkan tujuan amalan berhutang yang sebenarnya turut berkait rapat dengan kepentingan modal yang amat diperlukan oleh orang Melayu bagi membolehkannya berintegrasi dengan perkembangan ekonomi semasa penjajahan yang mementingkan penggunaan wang dalam kehidupan seharian. Oleh kerana tidak wujud satu badan rasmi bagi membantu memperoleh keperluan kredit untuk tujuan modal dan pelbagai tujuan lain, maka orang Melayu termasuklah kalangan petani bergantung kepada golongan ceti dan pekedai-pekedai Cina serta tuan-tuan tanah yang kaya bagi memperoleh kredit (Gamba 1958; Ungku Abdul Aziz 1959). Hanya selepas tahun 1922, baharulah ditubuhkan satu badan khas bagi menyediakan kemudahan kredit kepada orang Melayu Luar Bandar iaitu Koperasi Kredit Luar Bandar (KKLB) yang diletakkan di bawah Jabatan Pertubuhan Koperasi (*Co-operative Societies Department*). Jabatan ini ditubuhkan melalui *Cooperrative Societies Enactment* yang dikuatkuasakan pada tahun 1922 (*Selangor Secretariat File* 1290/1925). Persoalannya, sejauh manakah penubuhan ini memberi impak ke atas aspek sosioekonomi orang Melayu luar bandar khususnya dalam menyelesaikan isu keperluan kredit untuk tujuan modal dalam kalangan orang Melayu untuk membolehkan mereka berintegrasi dengan ekonomi kapitalis dan seterusnya meningkatkan taraf hidup mereka?

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Salah satu penulisan yang menyentuh tujuan berhutang demi kepentingan modal adalah oleh Haslindawati, Azmah & Norizan (2023). Penulisan ini menghujahkan amalan berhutang oleh orang Melayu yang rata-ratanya petani padi adalah demi kepentingan modal selain daripada memperoleh kehidupan harian. Kegagalan golongan ini melangsaikan hutang menyebabkan mereka kehilangan tanah sama ada kepada ceti mahupun pekedai Cina dan golongan pemberi kredit yang lain. Walaupun penulisan ini menyentuh kegiatan berhutang sebagai tujuan modal, namun penulisan ini tidak membincangkan tentang usaha dan peranan kerajaan menyediakan badan khas untuk pemberian kredit kepada orang Melayu. Manakala penulisan oleh Nur Najwa, Ahmad Kamal Arifin dan Noor Ain (2023) turut mengakui bahawa masalah hutang adalah isu ekonomi yang mengikat orang Melayu dengan kemiskinan sehingga kehilangan tanah. Namun demikian, seperti mana penulisan Haslindawati, Azmah & Norizan, penulisan ini juga tidak membincangkan usaha dan peranan kerajaan menyediakan badan-badan rasmi untuk tujuan pemberian wang sebagai kredit bagi mengelakkan pergantungan sepenuhnya orang Melayu kepada golongan ceti dan pekedai Cina.

Penulisan oleh A. Rahman Tang & Mohd. Sohaimi (2021) merupakan penulisan yang membincangkan peranan kerajaan menggalakkan penubuhan syarikat kerjasama dan koperasi di Tanah Melayu demi menyelesaikan dilema wang dalam kalangan orang Melayu melalui penguatkuasaan *Cooperrative Societies Enactment*, 1922. Dilema wang dalam kalangan orang Melayu ini berlaku lanjutan daripada perkembangan kapitalisme dan penggunaan wang dalam kalangan orang Melayu. Maka penubuhan syarikat kerjasama dan koperasi adalah dengan harapan

orang Melayu dapat menyesuaikan diri dengan perubahan ekonomi yang berlaku tersebut. Walau bagaimanapun, penulisan ini tidak memperincikan sejauh mana syarikat kerjasama dan koperasi ini berjaya dalam menyelesaikan isu hutang dalam kalangan orang Melayu dan menambah baik aspek ekonomi mereka dan kekangan orang Melayu khususnya para petani terlibat dalam syarikat kerjasama dan koperasi.

Penulisan oleh A. Rahman Tang (2021) pula menekankan pelaksanaan syarikat kerjasama dan koperasi dalam menyelesaikan isu hutang dalam kalangan orang Melayu supaya tidak terus dibebani dengan kadar bunga yang tinggi akibat pinjaman yang dibuat kepada golongan ceti dan pekedai Cina. Kadar bunga yang tinggi dan menindas ini diujahkan sebagai pemangkin kepada isu hutang yang tidak pernah selesai dan terus membelenggu petani Melayu. Situasi ini menyebabkan petani Melayu akhirnya kehilangan tanah kerana lazimnya, tanah dijadikan cagaran mahupun dijual bagi menyelesaikan hutang. Natiujahnya, orang Melayu kehilangan faktor pengeluaran yang utama iaitu tanah bagi kelangsungan ekonominya. Aspek penting lain yang diujahkan oleh A. Rahman Tang adalah berkaitan penubuhan syarikat kerjasama dan koperasi ini yang dibayangi unsur *riba*’ merupakan antara faktor penubuhan koperasi kredit luar bandar umpamanya masih tidak diterima secara meluas dalam kalangan orang Melayu kerana *riba*’ adalah bertentangan dengan ajaran Islam. Penulisan-penulisan ini tidak melihat aspek ekonomi orang Melayu itu sendiri yang menjadi halangan utama orang Melayu menyimpan atau menandatangani wang mereka di koperasi-koperasi yang ditubuhkan oleh Kerajaan. Misalnya isu pendapatan petani Melayu yang sentiasa rendah kerana dipaksa menanam padi di atas tanah miliknya menyebabkan pendapatan orang Melayu berterusan rendah (Siti Noor Hafizah 2021; Ungku Abdul Aziz 1964).

Penulisan A. Rahman Tang (2021) ini juga turut bersetuju dengan penulisan terdahulu seperti penulisan oleh Parkinson (1967) yang mengaitkan kegagalan usaha kerajaan membantu menambah baik ekonomi orang Melayu adalah faktor sosial orang Melayu itu sendiri walaupun Parkinson (1967) juga tidaklah menerima sepenuhnya faktor ini sebagai satu-satunya faktor signifikan kegagalan usaha kerajaan tersebut. Misalnya, Parkinson (1967) mengaitkan aspek sosial orang Melayu yang telah selesai dengan amalan seharian dan enggan menerima sebarang perubahan walaupun perubahan itu memberi kebaikan kepada mereka. Hal ini termasuklah melalui penglibatan dalam syarikat kerjasama dan koperasi yang digalakkan oleh kerajaan. Manakala, A. Rahman Tang (2021) pula mengaitkan aspek sosial (agama) iaitu unsur *riba*’ yang bertentangan dengan Islam mempengaruhi pertimbangan orang Melayu untuk terlibat secara meluas dalam badan rasmi kerajaan bagi membantu penyediaan kredit. Walau bagaimanapun, penulisan-penulisan ini tidak memfokuskan perbincangan kepada KKLK sebagai badan alternatif pemberi pinjaman wang kepada orang Melayu luar bandar, khususnya petani bagi mengurangkan dominasi badan-badan tidak rasmi pemberi pinjaman (misalnya golongan ceti dan pekedai Cina).

Satu-satunya penulisan yang membincangkan impak syarikat kerjasama dan koperasi kepada orang Melayu dengan memfokuskan kepada Koperasi Kredit Luar Bandar (KKLB) adalah oleh Fredericks (1973). Fredericks (1973) mengujahkan tujuan pelaksanaan KKLK adalah bagi menyelesaikan isu pasaran wang kawasan luar bandar yang didominasi sepenuhnya oleh badan-badan tidak rasmi (contohnya seperti ceti dan pekedai-pekedai Cina). Justeru, penubuhan KKLK diharapkan dapat menyediakan alternatif kepada penduduk luar bandar dalam memperoleh wang untuk tujuan kredit dengan kadar faedah yang lebih rendah dan tidak memeras. Fredericks (1973) turut mengujahkan, orang Melayu masih menyambut baik usaha kerajaan ini walaupun impaknya ke atas aspek sosial orang Melayu adalah lebih signifikan berbanding ekonomi. Sungguhpun begitu, beliau tidak memperincikan punca-punca yang menyebabkan kemudahan KKLK ini

kurang memberikan impak ke atas aspek ekonomi orang Melayu luar bandar sehingga dapat meningkatkan aspek ekonominya.

Oleh yang demikian, wujud ruang yang masih belum diisi oleh penulisan terdahulu berkaitan tujuan penubuhan dan impak pelaksanaan KKLBB ke atas aspek sosioekonomi orang Melayu. Maka penulisan ini menumpukan perbincangan kepada aspek ini iaitu tujuan penubuhan dan impak pelaksanaan KKLBB ini ke atas peningkatan taraf sosioekonomi orang Melayu. Didapati bahawa, majoriti daripada orang Melayu tidak mampu terlibat secara aktif dalam pelaksanaan KKLBB ini kerana kekangan kewangan yang dihadapi mereka. Ironinya, walaupun tujuan penubuhan ini adalah untuk menyediakan keperluan kredit untuk pelbagai tujuan, kemampuan kewangan orang Melayu itu sendiri merupakan indikator penting bagi memastikan mereka mampu terlibat dalam koperasi ini. Lantaran pendapatan orang Melayu yang sentiasa rendah, maka mereka tidak mampu menyertai KKLBB atau mengekalkan keahlian. Bahkan kewujudan dan kelestarian KKLBB itu sendiri amat bergantung kepada kukuhnya kewangan para ahlinya. Justeru, secara keseluruhannya pelaksanaan KKLBB ini tidak memberi kesan yang signifikan dalam menambah baik sosioekonomi majoriti orang Melayu.

METODOLOGI KAJIAN

Penulisan ini bertujuan memperincikan matlamat penubuhan KKLBB dan impaknya ke atas sosioekonomi orang Melayu semasa penjajahan. Penulisan ini menggunakan pendekatan penyelidikan disiplin sejarah yang mementingkan penggunaan dan analisis sumber primer dalam membuktikan dapatan kajian. Sungguhpun demikian, sumber sekunder seperti artikel jurnal, buku, bab dalam buku dan tesis juga turut dirujuk dalam menghasilkan penulisan ini. Manakala kaedah kajian yang digunakan pula adalah kaedah kualitatif namun kajian ini turut memberikan penekanan kepada data-data dalam bentuk angka bagi mengukuhkan hujah dan dapatan penulis berkaitan hubungkait faktor ekonomi orang Melayu luar bandar (petan-petani) dengan ketidakmampuan KKLBB mencapai matlamatnya untuk menyelesaikan isu hutang dalam kalangan Melayu dan ketinggalan orang Melayu dalam ekonominya. Sumber primer utama berkaitan kajian yang dirujuk bagi menghasilkan penulisan ini adalah *Annual Report on the Working of Co-operative Societies in the Federated Malay States (FMS) and Straits Settlements (SS)*, *Selangor Secretariat File*, *Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Perak dan Federated Malay States (FMS) Government Gazette*. Manakala sumber primer lain yang dirujuk adalah laporan akhbar yang sezaman dengan skop masa kajian ini. Sumber primer yang berupa dokumen rasmi diperoleh sepenuhnya daripada Arkib Negara Malaysia dan Perpustakaan Hamzah Sendut (bahagian Malaysiana), Universiti Sains Malaysia. Koleksi akhbar pula dirujuk daripada koleksi digital akhbar yang terdapat di laman sesawang Lembaga Perpustakaan Awam Negara Singapura (<http://www.nlb.gov.sg/>). Sumber sekunder berkaitan topik kajian yang berupa artikel pula dirujuk sama ada di laman sesawang jurnal yang berkaitan (*Kajian Malaysia*, *Kemanusiaan*, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* dan *Geografia*, *Malaysian Journal of Society and Space*) mahupun platform JSTOR (<http://www.jstor.org/>). Manakala sumber berupa buku, bab dalam buku dan tesis dirujuk di Perpustakaan Hamzah Sendut dan Perpustakaan Hamzah Sendut 1 (kedua-duanya merupakan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia).

LATAR BELAKANG KE ARAH PELAKSANAAN KOPERASI KREDIT LUAR BANDAR

Cadangan awal ke arah pelaksanaan syarikat kerjasama atau koperasi ini telah muncul sejak tahun 1907. Pada tahun ini, Arthur Young yang merupakan Setiausaha Kolonial yang baharu ditugaskan di Tanah Melayu menyatakan keinginannya untuk memperkenalkan syarikat kerjasama atau koperasi ini bagi membantu kegiatan pertanian. Hal ini adalah berdasarkan pengalamannya yang melihat kejayaan penubuhan badan sedemikian di Cyprus dalam membantu kegiatan pertanian bagi masyarakat luar bandar. Bagi menilai kesesuaian cadangan ini, Ketua Setiausaha Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) telah melantik jawatankuasa (*Committee on Small Loans to the Rural Credit Society and Co-operative Bank system*) pada tahun 1911 bagi mendapatkan maklumat berkaitan pelaksanaan cadangan tersebut ke atas orang Melayu. Laporan jawatankuasa ini bagaimanapun tidak bersetuju diwujudkan satu badan khas oleh Kerajaan berkaitan pinjaman dan kemudahan kredit ini pada tempoh masa tersebut. Laporan jawatankuasa ini menghujahkan, penubuhan tersebut tidak akan mencapai matlamatnya dalam mengubah aspek ekonomi orang Melayu ke arah lebih baik. Dua alasan utama diberikan iaitu sikap dan aspek sosial orang Melayu. Berkaitan sikap, orang Melayu dikatakan tidak bercita-cita untuk menjadi kaya dan sentiasa bersifat curiga terhadap elemen-elemen baharu yang diperkenalkan. Aspek sosial pula dikaitkan dengan unsur “*riba*” iaitu kadar faedah yang diperoleh daripada wang yang dipinjamkan adalah bertentangan dengan ajaran Islam. Justeru, cadangan tersebut tidak dilaksanakan pada tahun tersebut kerana menganggap pelaksanaan badan ini tidak akan diterima secara meluas oleh orang Melayu. (Cavendish 1922).

Sungguhpun ditentang pelaksanaannya pada tahun tersebut, Alexander Cavendish yang merupakan pembantu penasihat British bagi negeri Kedah masih menaruh harapan akan pelaksanaan badan rasmi kerjasama atau koperasi ini dalam membantu aspek ekonomi dan sosial orang Melayu. Beliau juga giat mencari maklumat berkaitan langkah yang paling sesuai untuk diimplementasikan supaya pelaksanaan koperasi ini berjaya dilaksanakan di Tanah Melayu, khususnya kepada orang Melayu. Misalnya, beliau berusaha mengumpul maklumat berkaitan kejayaan badan kewangan di negara-negara luar seperti bank-bank dan pejabat pos di Mesir serta syarikat koperasi di Punjab menarik minat orang Islam menggunakan perkhidmatan kewangan yang terlibat dengan kadar faedah ini. Hal ini adalah kerana isu *riba* yang dibahaskan oleh jawatankuasa sebelum ini yang melihat unsur tersebut sebagai unsur utama yang akan mengekang orang Melayu yang menganut agama Islam daripada terlibat dengan badan-badan kewangan seperti bank dan badan rasmi pemberi kredit yang lain. Maka, situasi di Mesir dan Punjab ini dijadikan hujah bahawa orang Melayu juga tidak akan menolak untuk terlibat dalam badan-badan koperasi ini jika kadar faedah setakat yang dibenarkan (tidak melibatkan keuntungan berlebihan) diamalkan dalam urusan niaga tersebut termasuklah dalam penerimaan dan pembayaran faedah sama ada dari simpanan yang dibuat mahupun kadar faedah yang dikenakan ke atas pemimjam (Cavendish 1922). Perkenan Sultan Perak juga turut diperoleh dalam mendapatkan sokongan ke atas pelaksanaan koperasi kredit ini agar dapat menyakinkan orang Melayu bahawa penerimaan dan pembayaran faedah daripada koperasi ini adalah tidak bertentangan dengan syarak. Perkenan Sultan Perak ini adalah berdasarkan perundingan baginda dengan para *ulama* negeri Perak pada bulan Jun 1922 (*Pinang Gazette and Straits Chronicle* 1923). Maka, Cavendish¹ menghujahkan tidak ada alasan untuk menolak pelaksanaan syarikat kerjasama atau koperasi ini daripada dilaksanakan di Tanah Melayu khususnya kepada orang Melayu. Setelah melalui proses perbincangan dan penyelidikan untuk tempoh masa yang panjang, serta sekalipun pelaksanaan koperasi masih tidak dipersetujui sepenuhnya oleh sesetengah pihak yang tidak yakin dengan

pelaksanaan tersebut, koperasi ini akhirnya *Cooperrative Societies Enactment* telah diluluskan pada tahun 1922 (Cavendish 1922). Di bawah enakmen ini, KKLBB telah ditubuhkan bagi membantu menyediakan pinjaman wang untuk tujuan kredit khusus untuk orang Melayu luar bandar meningkatkan ekonomi mereka. Maka, orang Melayu diharapkan dapat menambah baik aspek sosioekonomi mereka seperti bebas daripada belenggu hutang.

ISI PERBINCANGAN

MATLAMAT PENUBUHAN

KKLBB merupakan sebuah badan bersifat sosial, namun matlamat pentingnya adalah untuk meningkatkan aspek ekonomi dalam kalangan ahli iaitu untuk membantu ahli memperoleh pinjaman sama ada untuk tujuan modal mahupun semasa terdesak.² Tujuan pelaksanaan KKLBB ini adalah bagi melaksanakan fungsi-fungsi bank iaitu menerima wang daripada pendeposit dan kemudian akan menggunakan wang tersebut untuk diberikan sebagai pinjaman kepada ahli-ahli koperasi lain yang memerlukan dengan kadar faedah yang tidak menindas. Maka koperasi merupakan badan perkongsian modal dan simpanan wang di koperasi ini adalah turut berfungsi sebagai pelaburan. Hal ini kerana para ahli yang menyimpan wang di koperasi akan turut menerima faedah daripada simpanan mereka sama seperti simpanan di bank (*Selangor Secretariat File 582/1923*; *Selangor Secretariat File 1290/1925*). Maka, pelaksanaan KKLBB ini merupakan satu alternatif kepada orang Melayu luar bandar yang dikatakan enggan untuk menyimpan wang mereka di bank-bank dan pejabat-pejabat pos kerana tidak mahu terlibat dengan unsur *riba*’.

Pada peringkat awal, pelaksanaan KKLBB di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) adalah di Kerian, Perak yang merupakan kawasan penanaman padi terbesar dan terpenting di NNMB. Sistem “padi ratus” yang diamalkan petani padi, iaitu sebelum padi dituai, hasilnya dijual terlebih dahulu telah menyebabkan petani padi mengalami kerugian sebanyak separuh dari penjualan padi mereka. Misalnya pada tahun 1921, ekoran sistem “padi ratus” menyebabkan petani padi hanya menerima \$0.06 sahaja untuk segantang padi berbanding \$0.12 harga pasaran. Hal ini menyebabkan pendapatan petani padi sentiasa rendah dan akhirnya tidak dapat menjelaskan hutang piutang mereka.. Hal ini menyebabkan golongan ini kehilangan tanah mereka kerana lazimnya tanah akan digunakan sebagai cagaran (A. Rahman Tang & Mohd. Sohaimi 2021). Situasi yang berlaku ini menyebabkan pegawai British setempat berusaha mengatasinya dan pada bulan Oktober 1921, satu mesyuarat yang dihadiri oleh Pegawai Daerah Kerian dan semua penghulu telah diadakan bagi membincangkan masalah sistem kredit yang menindas yang dihadapi oleh orang Melayu tersebut. Terdapat cadangan untuk menubuhkan koperasi bagi penanam padi namun tiada kata putus diperoleh kerana timbulnya isu *riba*’ pelaksanaan koperasi ini sehinggalah *Cooperrative Societies Enactment* dikuatkuasakan pada tahun 1922 dan turut mendapat perkenan Sultan Perak (*Penang Gazette and Straits Chronicles 1923*; A. Rahman Tang & Mohd. Sohaimi 2021). Justeru, tidak hairanlah daerah Kerian, Perak merupakan daerah pertama ditubuhkan KKLBB dengan jumlah KKLBB juga adalah tertinggi di daerah ini pada tahun-tahun awal penubuhannya. Semasa tahun 1924 baharulah KKLBB ini mula ditubuhkan di daerah lain di Perak dan juga di NNMB yang lain iaitu Selangor dan Negeri Sembilan dengan jumlahnya meningkat dari enam buah pada awal tahun 1924 kepada 20 buah pada penghujung tahun yang sama. Daripada 20 buah KKLBB ini, separuhnya adalah ditubuhkan di daerah Kerian, Perak (*Selangor Secretariat File 1290/1925*). Penubuhan KKLBB yang bermula dan berpusat di kawasan penanaman padi ini

menonjolkan bahawa keadaan hutang dalam kalangan orang Melayu adalah tinggi di kawasan yang kegiatan ekonomi utamanya adalah penanaman padi.³

Suatu perkara penting di sebalik penubuhan KKLK juga adalah tujuan utamanya menyediakan bantuan kredit yang diperlukan oleh orang Melayu luar bandar namun dalam masa yang sama tidak menelan perbelanjaan yang tinggi di pihak kerajaan serta tidak akan merugikan pihak kerajaan (*Pinang Gazette and Straits Chronicle* 1921). Hal ini kerana penubuhan KKLK memperoleh dana daripada ahli-ahlinya yang menyimpan wang di koperasi. Hanya emolumen serta elaun Pegawai-Pegawai Bertugas dan Pembantu Pendaftar bagi Jabatan Pertubuhan Koperasi sahaja iaitu jabatan yang mengurus KKLK diambil daripada dana Perkhidmatan Awam Kerajaan (*Selangor Secretariat File* 980/1924). Manakala bayaran-bayaran lain diambil sepenuhnya daripada dana yang disimpan di koperasi oleh ahli-ahlinya. Bahkan dua tahun pelaksanaannya, iaitu semasa Persidangan Pertama KKLK untuk orang Melayu yang diadakan pada 1 Ogos 1925 di Kuala Lumpur, Ketua Hakim NNMB yang turut mempengerusikan persidangan tersebut iaitu Sir Lionel Woodward mengingatkan supaya penubuhan koperasi ini mampu mandiri tanpa mengharapkan bantuan kerajaan.⁴ Orang Melayu juga diharapkan berdikari serta berusaha berbuat sesuatu untuk memajukan diri sendiri dengan mengambil peluang menimba ilmu pengetahuan daripada latihan yang diberikan oleh pegawai-pegawai khas kerajaan yang berkaitan (*The Straits Echo* 1925). Oleh yang demikian, penubuhan ini merupakan satu usaha pentadbir British menyediakan kemudahan kredit serta bantuan lain yang amat diperlukan orang Melayu untuk memajukan ekonominya.

Sebenarnya, pentadbir British sejak awal telahpun menyedari keperluan wang untuk tujuan modal dalam kegiatan pertanian yang semakin meningkat ekoran perkembangan ekonomi kapitalis. Maka, pentadbir British berusaha menyediakan kemudahan kredit untuk petani sejak dekad kedua kurun ke-20. Misalnya, kerajaan telah memperuntukkan dana sebanyak \$19,737 untuk tujuan pinjaman kepada para petani pada tahun 1910 (*Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Perak* 1910).⁵ Setahun kemudian, iaitu pada tahun 1911, jumlah peruntukan pinjaman oleh kerajaan kepada petani di Kerian, Perak sahaja berjumlah \$20,000. Walau bagaimanapun, daripada jumlah keseluruhan peruntukan pinjaman yang disediakan itu, jumlah pinjaman yang diluluskan kepada para petani hanyalah berjumlah \$8,805 atau 44.0% sahaja (*Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Perak* 1911). Justeru, tidak sampai separuh daripada jumlah pinjaman yang diperuntukkan itu dimanfaatkan oleh petani pada tahun ini. Seterusnya pada tahun 1918 pula, jumlah pinjaman yang diperuntukkan kepada masyarakat petani di daerah ini semakin berkurang dan hanya berjumlah \$17,115 sahaja. Justeru, daripada jumlah keseluruhan peruntukan pinjaman pada tahun ini, hanya \$2,400 atau 14.0% sahaja diluluskan sebagai pinjaman kepada petani-petani padi. Pinjaman ini berjaya menyelamatkan tanah padi seluas 458 pada tahun tersebut (*Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Perak* 1918). Maka, dapat dilihat bahawa jumlah peruntukan pinjaman untuk pertanian adalah semakin berkurang. Begitu juga, jumlah pinjaman yang dibuat oleh para petani juga turut berkurang.

Ringkasnya, walaupun kerajaan menyediakan peruntukan pinjaman pertanian kepada masyarakat petani termasuk petani padi yang rata-ratanya adalah orang Melayu, proses-proses untuk memperoleh pinjaman yang disediakan adalah sukar dan ketat syaratnya. Misalnya, para petani masih perlu mencagarkan tanah mereka kepada kerajaan bagi mendapatkan pinjaman tersebut. Jumlah pinjaman yang akan diperoleh juga rendah iaitu hanyalah 50% daripada nilai tanah yang dicagarkan tersebut. Bagi tanah yang tertakluk kepada "*The Malay Reservations Enactment, 1913*" pula, jumlah maksimum pinjaman yang dibenarkan adalah lebih rendah iaitu

hanya berjumlah 1/3 daripada nilai tanah yang ingin dicagarkan (*Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Perak* 1918). Proses pinjaman juga adalah rumit dan menelan masa dua hingga ke tiga bulan walaupun jumlah pinjaman yang dibenarkan untuk dipohon adalah sedikit sahaja jumlahnya. Ekoran jumlah pinjaman yang rendah dan proses pinjaman juga ketat serta rumit bagi pinjaman yang disediakan oleh kerajaan ini, maka sebahagian besar dalam kalangan petani padi terus memilih untuk mendapatkan pinjaman daripada ceti sungguhpun kadar bunga pinjaman daripada ceti adalah sangat tinggi iaitu 18% hingga 24% berbanding kadar bunga pinjaman kerajaan yang hanya berjumlah 6% (*Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Perak* 1911).

Penubuhan KKLK ini jelas sekali bertujuan mengurangkan beban kerajaan untuk menyediakan pinjaman kepada orang Melayu selain daripada pengenaan syarat pinjaman yang tidak ketat seperti mana syarat yang dikenakan ke atas pinjaman disediakan kerajaan sebelum ini. Penubuhan KKLK juga bermatlamat untuk mengelakkan pentadbiran mereka dianggap sebagai mengabaikan kepentingan orang Melayu termasuklah dalam hal berkaitan penyediaan pinjaman wang bagi tujuan modal. Justeru, orang Melayu dapat memajukan ekonomi mereka dan seterusnya dapat membebaskan diri daripada belenggu hutang kepada ceti dan orang tengah umpamanya. Maka kehilangan tanah dan kemiskinan orang Melayu luar bandar dapat dikurangkan (*The Straits Times* 1935).

Satu lagi matlamat penting penubuhan KKLK adalah bagi membantu petani khususnya petani padi meningkatkan produktiviti pengeluaran mereka. Bahkan pada peringkat awal penubuhan KKLK pun, penubuhannya difokuskan di kawasan-kawasan yang kegiatan ekonomi utamanya adalah penanaman padi. Penubuhan KKLK di kawasan penanaman padi ini diharapkan dapat meningkatkan penghasilan beras dengan menggunakan dana yang boleh dipinjam daripada koperasi untuk keperluan modal seperti untuk pembelian benih berkualiti, penggunaan jentera (yang boleh dikongsi penggunaannya oleh ahli-ahli kerana dibeli daripada dana koperasi) dan khidmat nasihat dan latihan yang disediakan oleh KKLK bagi mempertingkatkan produktiviti penghasilan tanaman mereka (*The Straits Echo* 1925; *The Straits Times* 1935). Sebagai contoh, setahun selepas penubuhan Jabatan Pertubuhan Koperasi, iaitu pada tahun 1923, KKLK hanyalah ditubuhkan di Kerian, Perak sahaja dengan sebanyak enam buah KKLK ditubuhkan di sini (*Selangor Secretariat File* 980/1924). Beberapa KKLK yang telah ditubuhkan ini diharapkan dapat mencapai matlamat penubuhannya dan menjadi model serta perintis kepada KKLK yang lain (*Selangor Secretariat File* 1290/1925). Jika diperhatikan juga, matlamat KKLK sejak awal penubuhannya adalah lebih kepada membantu kegiatan pertanian untuk tujuan makanan. Misalnya sejak tahun 1923, telah ada cadangan supaya ditubuhkan juga KKLK bagi membantu pekebun-pekebun kecil getah. Namun kerajaan menolak cadangan tersebut dengan menghujahkan bahawa masanya masih belum sesuai untuk penubuhan KKLK bagi pekebun-pekebun kecil getah (*Selangor Secretariat File* 1290/1925).

Maka, usaha ini juga adalah selaras dengan usaha kerajaan yang ingin mengurangkan pergantungan bekalan makanan dari luar, khususnya beras. Hal ini kerana, pergantungan keperluan beras dari luar mengakibatkan negara mengalami krisis beras serta peningkatan perbelanjaan kerajaan apabila penghasilan beras dari luar merosot (Lim Teck Ghee 1977). Perbelanjaan kerajaan untuk beras import juga turut meningkat semasa berlakunya kemelesetan ekonomi dunia (Mohd Shazwan 2022; Mohd Shazwan 2023; Mohd Shazwan 2024). Misalnya, kegagalan penghasilan beras di India pada tahun 1918 telah menyebabkan beras dari Burma turut diimport ke India bagi menampung keperluan beras di negara tersebut. Keadaan ini menyebabkan import beras dari Burma ke Tanah Melayu telah berkurang sebanyak 12%. Kemudian pada tahun 1919, jumlah

eksport beras dari Burma ke Tanah Melayu merosot sehingga 50%. Persaingan harga beras di pasaran di Siam dan Saigon, Vietnam turut memburukkan keadaan apabila harga beras meningkat mendadak dan menjadi lebih mahal menyebabkan Tanah Melayu pada waktu itu sukar mengekalkan perolehan bekalan beras seperti mana sebelumnya (Lim Teck Ghee 1977).

Manakala semasa kemelesetan ekonomi dunia pula, kemampuan kewangan kerajaan merosot kerana berlakunya pengurangan dalam jumlah pendapatan eksport. Hal ini kerana, kemelesetan ekonomi dunia menyebabkan harga pasaran bagi dua komoditi eksport utama Tanah Melayu iaitu getah dan timah merosot dan sekali gus menyebabkan kapasiti fiskal NNMB semakin melemah. Misalnya, hasil kutipan daripada cukai eksport NNMB telah merosot kepada \$10,255,24 pada tahun 1930 berbanding \$19,990,300 untuk tahun sebelumnya (Mohd Shazwan 2023). Hal ini menunjukkan berlakunya kemerosotan yang ketara dalam pendapatan kerajaan semasa berlakunya kemelesetan ekonomi dunia iaitu telah merosot sebanyak 48.7% atau \$9,735,276 dalam tempoh dua tahun sahaja. Kedudukan kewangan yang semakin melemah ini mempengaruhi kemampuan pentadbiran British di NNMB mengimport produk makanan khususnya beras (Mohd Shazwan 2023). Kerajaan juga turut terpaksa mengawal harga beras supaya tidak menjadi terlalu tinggi semasa tempoh kemelesetan agar golongan buruh yang pendapatannya semakin rendah semasa tempoh kemelesetan mampu membeli beras (Mohd Shazwan 2022). Maka isu bekalan makanan, khususnya beras ini merupakan isu yang serius dan menyebabkan pentadbir British memberi perhatian kepada pelbagai usaha untuk meningkatkan penghasilan beras. Hal ini termasuklah membantu petani melalui penubuhan KKLBB yang menyediakan kemudahan kredit bagi tujuan modal selain daripada bantuan khidmat nasihat serta latihan untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran petani.

IMPAK PELAKSAANAN

Seperti yang telah dibincangkan, antara matlamat penting KKLBB ini adalah bertujuan mengatasi isu hutang dalam kalangan orang Melayu akibat daripada pinjaman yang dibuat kepada golongan ceti atau pemiutang Cina bagi memperoleh modal pendahulu sebelum atau semasa proses penanaman bermula dengan mencagarkan hasil tanaman mereka (sistem “*padi ratus*” atau “*padi kunhca*”). Hal ini menyebabkan harga padi yang dijual kepada pemiutang adalah lebih rendah daripada kadar pasaran kerana kadar bunga yang tinggi dikenakan kepada mereka. Maka melalui KKLBB ini, diharapkan amalan tersebut dapat dihapuskan daripada amalan petani padi Melayu (*Selangor Secretariat File 980/1924*). Melalui penubuhan KKLBB ini, para ahlinya perlulah menandatangani wang sebanyak \$10 setiap tahun di koperasi selama 10 tahun sebelum dibenarkan untuk dikeluarkan. Simpanan ini adalah secara *fixed* deposit. Maksudnya, para ahli dibenarkan untuk mengeluarkan kembali simpanan wang tersebut setelah mencapai tempoh matang yang telah dipersetujui. Para ahli perlu menjelaskan simpanan tersebut sebaik meraih pendapatan daripada hasil tanaman mereka (*Pinang Gazette and Straits Chronicle 1923; Selangor Secretariat File 980/1924*). Wang yang telah didepositkan ini tidak dibenarkan untuk dikeluarkan untuk tempoh masa 10 tahun, tetapi para ahli dibenarkan untuk memohon pinjaman daripada dana yang telah didepositkan tersebut. Antara tujuan pinjaman yang dibenarkan adalah untuk menyelesaikan hutang lapuk kepada golongan ceti dan pemiutang Cina supaya tidak kehilangan tanah yang telah dicagarkan ekoran kegagalan menjelaskan hutang. Tujuan permohonan pinjaman lain yang dibenarkan adalah pinjaman untuk peningkatan ekonomi para ahli seperti pinjaman untuk kerja-kerja bendang (sawah) seperti pembelian benih berkualiti dan jentera serta pembelian tanah (*Selangor Secretariat File 582/1923; Selangor Secretariat File 980/1924*).

Terdapat beberapa kejayaan yang dicatatkan dalam peranan koperasi menyelesaikan isu kehilangan tanah ini. Misalnya pada tahun 1923, dalam usaha untuk mengelakkan ahli-ahli koperasi yang terlibat daripada kehilangan tanah lanjutan permohonan mahkamah oleh pemiutang untuk melelong tanah ahli-ahli koperasi ekoran kegagalan ahli-ahli tersebut menjelaskan hutang mereka, KKL Bagan Tiang telah memimjam wang sebanyak \$300 daripada *Krian Selama Gurus Co-operative Thrift and Loan Society* selain daripada tambahan wang koperasi Bagan Tiang sendiri yang berjumlah \$700 untuk menyelesaikan gadai janji yang tidak dapat diselesaikan tersebut terlebih dahulu. Kemudian, para ahli terlibat perlulah menjelaskan kembali hutang mereka yang telah dijelaskan oleh koperasi ini pada setiap bulan beserta dengan kadar faedah. Sehingga penghujung tahun yang sama, pinjaman yang dibuat daripada KKL Bagan Tiang kepada Koperasi Guru Krian Selama berjaya dilunaskan. Melalui usaha oleh KKL Bagan Tiang ini, para ahlinya yang terlibat berjaya mengelakkan tanah mereka daripada dilelong kerana kegagalan menjelaskan hutang mereka (*Selangor Secretariat File* 980/1924). Kemudian pada tahun 1925, KKL di Kerian juga berjaya membeli kembali tanah ahlinya daripada ceti kerana ketidakmampuan ahli tersebut menjelaskan hutangnya (*The Straits Times* 1926).

Di Kerian juga, salah satu KKL yang seringkali dijadikan contoh bagi membuktikan kejayaan KKL ini menjaga kebajikan ekonomi dan sosial adalah KKL Tebok Haji Musa yang ditubuhkan pada 12 Januari 1923. Ahli-ahli koperasi bagi KKL Tebok Haji Musa ini adalah terdiri daripada petani padi. Melalui wang \$10 setiap tahun yang dibayar oleh para ahlinya pada setiap tahun selepas hasil tuaian padi dijual, koperasi ini mempunyai cukup wang untuk diberikan sebagai pinjaman bagi menjelaskan hutang yang dibuat oleh ahli-ahlinya sebelum penubuhan koperasi, menampung perbelanjaan pertanian dan mengusahakan tanah serta untuk tujuan-tujuan lain yang diperlukan oleh para ahlinya. Perkara ini dapat dilihat daripada Jadual 1:

JADUAL 1. Jumlah dan Tujuan Pinjaman bagi KKL Tebok Haji Musa, 1923

Jumlah Pinjaman	Tujuan	Jumlah (\$)
46	Menjelaskan hutang sebelumnya	6,021
24	Pembelian tanah	4,855
17	Pembinaan rumah	1,735
73	Perbelanjaan untuk tanaman padi	1,573
15	Sewa tanah padi	565
13	Cukai tanah	376
7	Menebus barang kemas	236
7	Perbelanjaan pengebumian	240
15	Pembelian ayam itik	190
7	Lain-lain	287
224		16,078

Sumber: *The Straits Times* 1935

Sepuluh tahun kemudian, KKL Tebok Haji Musa mempunyai jumlah aset bernilai \$5,985.29. Setelah agihan faedah dibuat kepada para ahli, akaun kira-kira koperasi ini adalah seperti dalam Jadual 2:

JADUAL 2. Akaun Kira-Kira KKL Tebok Haji Musa, 1935

Perkara	Jumlah (\$)
Jumlah modal saham dibayar	3,257.17
Baki jumlah pinjaman ahli	1,901.93
Agihan keuntungan bersih tahun ke-10	2,065.58
Dana rizab	707.20

Deposit	443.71
Keuntungan bersih tahun berakhir (30 Jun 1935)	142.62
Tunai di tangan	59.31
Tunai di Pejabat Pos	2,638.22

Sumber: *The Straits Times* 1935

KKLB Tebok Haji Musa ini merupakan salah satu contoh kejayaan koperasi luar bandar yang dapat membantu peningkatan taraf ekonomi dan sosial para ahlinya. Selain daripada kemampuannya memberikan pinjaman kepada ahli-ahlinya untuk menjelaskan hutang lapuk dan perbelanjaan-perbelanjaan lain yang diperlukan, perkara paling utama adalah kemampuan ahli-ahli KKLK Tebok Haji Musa menjelaskan pinjaman yang dibuat. Bahkan sehingga tamat tempoh 10 tahun yang ditetapkan setelah agihan keuntungan bersih dibuat pun, koperasi masih lagi mempunyai lebih dalam jumlah tunai sebanyak \$2,697.53. Satu lagi kejayaan koperasi ini adalah kemampuannya untuk terlibat dalam menentukan harga pasaran telur oleh ahli koperasinya yang rata-rata terlibat dengan pemeliharaan ayam itik bagi penghasilan telur untuk dipasarkan. Namun isunya adalah pembeli telah menetapkan harga yang tetap bagi penghasilan telur. Maka, pihak koperasi campur tangan dan mengorganisasikan semula penetapan harga tersebut (*The Straits Time* 1935).

Sungguhpun begitu, kejayaan beberapa KKLK di Kerian, Perak ini bukanlah bermaksud semua koperasi mampu mencapai matlamatnya dalam meningkatkan taraf ekonomi para ahlinya. Bahkan dalam kebanyakan penubuhan KKLK ini, kewujudannya adalah secara sementara dan jika masih wujud pun, koperasi tersebut tidaklah aktif. Begitu juga, banyak koperasi yang terpaksa mencairkan asetnya bagi menjelaskan liabiliti ahli-ahlinya. Malahan, sehingga tahun 1935, penubuhan KKLK dikatakan masih tidak mencapai matlamat penubuhannya untuk meningkatkan taraf ekonomi orang Melayu luar bandar secara keseluruhannya. Misalnya, walaupun koperasi mensyaratkan para ahlinya untuk tidak membuat pinjaman wang daripada pihak luar seperti ceti dan pemiutang Cina, masih terdapat dalam kalangan ahlinya yang berbuat demikian. Terdapat juga persatuan yang tidak mempunyai cukup dana untuk tujuan pinjaman kepada ahli-ahlinya (*Selangor Secretariat File* 419/1935).

Situasi yang dihadapi ini amat berkait rapat dengan keadaan ekonomi ahli-ahli KKLK yang rata-ratanya begitu bergantung kepada pendapatan yang diperoleh daripada hasil tanaman mereka. Tambahan pula penubuhan koperasi-koperasi ini sendiri adalah bergantung kepada simpanan daripada kalangan anggotanya sama ada melalui yuran keahlian atau pun wang yang didepositkan secara tetap setiap tahun. Oleh itu, kemampuan ekonomi iaitu kewangan ahli-ahlinya untuk menyimpan secara tetap setiap tahun dan menjelaskan pinjaman yang dibuat kepada koperasi memainkan peranan yang sangat penting kepada kelangsungan dan kejayaan koperasi ini. Misalnya pada tahun 1935, pengenaan kuota pengeluaran getah kepada pekebun-pekebun kecil dan kejatuhan harga getah telah menyebabkan pendapatan petani berkurang sehingga menjejaskan kemampuan petani menjelaskan komitmen simpanan tunai tahunan mereka. Ahli-ahli koperasi juga tidak berkemampuan untuk melunaskan pinjaman yang dibuat kepada koperasi. Sebaliknya lebihan yang ada hanya cukup untuk menampung cukai tanah dan perbelanjaan harian sahaja (*Selangor Secretariat File* 419/1935). Begitu juga, beberapa tahun sebelum tahun itu, ekor hasil tanaman yang tidak menjadi dan berlakunya kejatuhan dalam harga tanaman menyebabkan terdapat koperasi yang tidak aktif untuk jangka masa yang panjang kerana ahli-ahlinya mengalami kemerosotan berterusan dalam perolehan pendapatan mereka. Kemerosotan ekonomi ahli-ahli koperasi ini turut menjejaskan kemampuan koperasi untuk menjelaskan liabilitinya lantaran pendapatan koperasi berterusan merosot. Semasa tempoh sukar ini juga, pinjaman yang diperlukan

oleh ahli-ahli koperasi semakin meningkat bagi menjelaskan hutang yang dibuat kepada pihak luar serta hutang untuk menebus semula tanah dan barang kemas. Namun, oleh kerana koperasi sedang mengalami kemerosotan dana, tidak banyak yang dapat dilakukan koperasi untuk menampung keperluan pinjaman oleh ahli-ahlinya yang semakin meningkat. Nasihat juga telah dikeluarkan kepada koperasi yang tidak aktif, iaitu jika keadaan koperasi berterusan demikian, maka aset-aset koperasi yang terlibat akan dicairkan untuk menampung liabiliti yang ada. (*The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser* 1937; *Annual Report on the working of Co-operative Societies in Federated Malay States and Straits Settlement* 1937). Namun, terdapat juga KKLBB yang tidak bernasib baik apabila terpaksa dicairkan asetnya. Sebagai contoh, pada tahun 1937, sebanyak 15 buah koperasi sedang dicairkan asetnya. Usaha untuk mencairkan aset bagi mengelakkan kerugian berterusan kepada ahli ini juga tidak semuanya berjaya. Misalnya, usaha untuk menjual aset yang berupa tanah padi seperti yang dimiliki oleh KKLBB Bagan Tiang yang terletak di daerah Kerian, Perak didapati tidak berjaya apabila tanah tersebut tidak dibeli oleh mana-mana pihak (*Annual Report on the working of Co-operative Societies in Federated Malay States and Straits Settlement* 1937). Manakala pada tahun 1938 pula, tiga buah lagi KKLBB di NNMB iaitu dua di Negeri Sembilan dan satu di Selangor telah dikeluarkan daripada pendaftaran kerana dikatakan tidak mendapat sokongan ahli-ahlinya. Disebabkan KKLBB ini tidak aktif untuk tempoh masa yang lama maka ianya dikeluarkan dari senarai pendaftaran. (*Annual Report on the working of Co-operative Societies in Federated Malay States and Straits Settlement*, 1938).

Selain daripada isu-isu yang dihadapi oleh KKLBB dan ahli-ahlinya, satu lagi isu besar di sebalik KKLBB ini adalah untuk menjadi ahli koperasi pun, kemampuan kewangan seseorang individu itu adalah amat penting sejak dari awal lagi. Misalnya, untuk mempunyai syer di dalam koperasi ini, \$10 perlu didepositkan di dalam KKLBB pada setiap tahun selama 10 tahun. Justeru, bagi individu yang tidak mempunyai kemampuan kewangan untuk menyimpan wang mereka dalam jumlah yang ditetapkan tersebut pada setiap tahun, maka mereka tidak berpeluang untuk menjadi ahli koperasi. Bahkan sukar juga bagi koperasi ini mengekalkan keahlian mereka kerana kesukaran ekonomi yang dihadapi pada waktu tanaman mereka tidak menjadi mahupun semasa harga tanaman merosot. Justeru tidak hairanlah jumlah dan keahlian KKLBB untuk tahun 1928 hingga tahun 1936 mengalami kemerosotan berterusan. Hal ini dapat dilihat daripada Jadual 3:

JADUAL 3. Perkembangan KKLBB di NNMB, 1928 hingga 1936

Tahun	Jumlah koperasi	Jumlah keahlian	Syer berbayar (\$)
1928	84	3,098	88,207
1929	79	2,538	92,876
1930	70	2,074	90,028
1931	64	1,858	83,520
1932	61	1,680	76,826
1933	62	1,652	75,159
1934	60	1,581	75,129
1935	57	1,444	63,183
1936	58	1,631	68,183

Sumber: Annual Report on the working of Co-operative Societies in Federated Malay States and Straits Settlement 1937

Berdasarkan kepada Jadual 3, jumlah koperasi, keahlian dan syer berbayar bagi KKLBB mengalami kemerosotan untuk sepanjang tempoh tersebut iaitu mulai merosot semasa tahun 1929 dan hanya menunjukkan sedikit peningkatan pada tahun 1936. Misalnya, bagi jumlah KKLBB pada tahun 1928 adalah 84 buah dengan jumlah keahlian seramai 3,098 orang. Namun pada 1935, jumlah koperasi adalah sebanyak 57 buah sahaja dengan keahlian seramai 1,444 orang. Jumlah

KKLB mengalami kemerosotan sebanyak 27 buah atau 32.1% dan keahlian bagi KKL B pula merosot sebanyak 1654 orang atau 53.4%. Jumlah syer berbayar oleh ahli juga turut merosot untuk tempoh yang sama iaitu \$88,207 pada tahun 1928 kepada \$63,183 pada tahun 1935 iaitu mengalami kemerosotan sebanyak \$25,025 atau 28.4%. Tempoh koperasi mengalami kemerosotan ini adalah semasa berlakunya kemelesetan ekonomi dunia. Maka, petani Melayu pun tidak terlepas daripada turut menerima kesan daripada situasi di peringkat global. Oleh yang demikian, tidak hairan juga, semasa keadaan ekonomi dunia kembali pulih, jumlah KKL B, keahliannya dan syer berbayar oleh ahli-ahlinya juga mula menunjukkan peningkatan. Pada tahun-tahun kemelesetan juga, bukan hanya jumlah koperasi, keahlian dan syer berbayar mengalami penurunan, jumlah bayaran balik pinjaman juga merosot semasa tempoh tersebut. Misalnya, laporan menyatakan bahawa aktiviti bagi koperasi sedia ada untuk tahun-tahun selepas tahun 1930 adalah tidak seaktif tahun sebelumnya. Keadaan hanya semakin pulih pada penghujung tahun 1936 apabila daripada jumlah pinjaman sebanyak \$30,824 yang diberikan koperasi kredit luar bandar kepada pemimjamnya, jumlah yang berjaya dibayar balik adalah berjumlah \$27,970 iaitu 90.7%. Keadaan juga semakin pulih bermula penghujung tahun yang sama apabila jumlah tunggakan pinjaman semakin berkurang iaitu hanya berjumlah \$46,140 daripada jumlah keseluruhan tunggakan pinjaman yang berjumlah \$60,573 untuk tahun-tahun sebelumnya. Kemudian pada tahun 1937, jumlah tunggakan pinjaman berkurang lagi sebanyak \$5,450 menjadikan tunggakan pinjaman berjumlah \$55,123. Maka jumlah tunggakan pinjaman mengalami penurunan berterusan selepas keadaan semakin pulih (*Annual Report on the working of Co-operative Societies in Federated Malay States and Straits Settlement 1937*). Hal ini juga menonjolkan bahawa, orang Melayu luar bandar masih menyambut baik usaha kerajaan untuk meningkatkan aspek ekonomi mereka dan berusaha untuk melunaskan pinjaman yang dibuat. Namun, keterbatasan ekonomi menyukarkan mereka sama ada untuk menambah baik aspek kehidupan mereka, menjelaskan pinjaman yang dibuat mahupun untuk terlibat dalam rancangan kerajaan sejak dari awal pun. Maka, dalam kalangan orang Melayu sendiri, hanya golongan yang mempunyai kedudukan kewangan yang baik dan kukuh sahaja dapat menjadi ahli-ahli koperasi mahupun mengekalkan keahlian mereka. Bahkan kemampuan para ahli untuk terlibat aktif dalam koperasi amat penting untuk memastikan koperasi kekal wujud dan tidak dicairkan asetnya untuk menjelaskan liabiliti yang ada.

Berkaitan isu kehilangan tanah orang Melayu kepada bukan Melayu ekoran isu hutang pula, adalah tidak dinafikan bahawa di sesetengah kawasan, isu tersebut dapat diselesaikan oleh kewujudan KKL B ini misalnya berdasarkan kemampuan KKL B Bagan Tiang di Kerian, Perak yang berjaya mengekang kehilangan tanah ahli koperasi kepada golongan ceti. Namun, masih ramai dalam kalangan Melayu yang kehilangan tanah mereka akibat dilelong oleh kerajaan kerana ketidakmampuan mereka menjelaskan cukai tanah dan kos-kos lain berkaitan tanah seperti yang termaktub dalam perundangan tanah. Lebih malang bagi golongan ini, tidak ada koperasi yang dapat membantu mereka kerana ketidakmampuan mereka untuk membeli syer dalam bentuk simpanan tetap setiap tahun bagi menjadi ahli koperasi. Justeru, kehilangan tanah orang Melayu terus berlaku dalam jumlah yang tinggi di kawasan penanaman padi seperti yang berlaku di Kerian kerana pendapatan golongan ini yang sentiasa rendah daripada kegiatan tanaman padi menyebabkan mereka tidak mampu untuk menjelaskan cukai tanah dan kos-kos lain berkaitan tanah kepada pihak kerajaan. Misalnya di antara tahun 1928 hingga tahun 1936, perolehan petani padi untuk setiap ekar penanaman padi adalah di antara \$19.4 hingga \$31.5 sahaja. Manakala kos penanaman padi bagi setiap ekar adalah di antara \$30-\$35 seekar (Siti Noor Hafizah 2019). Maka, setelah ditolak kos penanaman padi, keuntungan yang diperolehi oleh petani padi ini adalah \$1.5 sahaja bagi setiap ekar jika kos penanaman padinya adalah \$30. Namun, jika kos penanaman padi

sekar mencapai \$35, petani padi akan mengalami kerugian untuk sepanjang tempoh tersebut bagi setiap ekar penanaman padi. Maka, tidak hairanlah kehilangan tanah orang Melayu di kawasan-kawasan yang penanaman padi merupakan kegiatan ekonomi utama seperti di Kerian seringkali tinggi jumlahnya. Misalnya pada tahun 1937, sebanyak 409 lot tanah yang telah dilelong di Kerian dan daripada jumlah keseluruhan tanah yang dilelong tersebut, sebanyak 316 lot atau 77% daripadanya adalah dimiliki oleh orang Melayu dan 93 lot lagi atau 23% merupakan tanah milik bukan Melayu (*F.M.S Government Gazette* 1937). Maka, KKLBB juga bukanlah penyelesaian utama kepada isu kehilangan tanah orang Melayu.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, penubuhan KKLBB merupakan satu usaha kerajaan untuk menyelesaikan isu wang dalam kalangan orang Melayu. Hal ini kerana, perkembangan ekonomi kapitalis telah menyebabkan orang Melayu tidak dapat mengelakkan diri mereka daripada terlibat dengan ekonomi berasaskan wang. Maka, keperluan wang adalah amat penting untuk orang Melayu berintegrasi dengan perkembangan ekonomi yang sedang berlaku tersebut walaupun mereka terlibat dengan pertanian di kampung. Sungguhpun begitu, di pihak kerajaan sendiri, penubuhan KKLBB ini merupakan langkah praktikal untuk mereka membantu orang Melayu luar bandar dalam kegiatan pertanian tanpa menelan perbelanjaan yang tinggi. Usaha ini juga dibuat dengan berhati-hati supaya tidak akan mendatangkan kerugian kepada pihak kerajaan. Maka, KKLBB diwujudkan dengan bergantung kepada yuran keahlian yang berupa simpanan tetap di koperasi iaitu berjumlah \$10 setiap tahun selama sepuluh tahun. Namun, jika ada ahli yang ingin menyimpan lebih banyak wang daripada jumlah yang telah ditetapkan juga digalakkan. Ahli-ahli tidak dibenarkan untuk mengeluarkan wang tersebut sehingga tempoh matang yang telah ditetapkan. Sungguhpun begitu, ahli-ahli boleh membuat pinjaman yang diperlukan daripada koperasi bagi tujuan menyelesaikan hutang yang dibuat kepada ceti dan pemiutang Cina sebelum menyertai koperasi, pinjaman untuk pembelian tanah, pinjaman mengusahakan tanah dan pinjaman untuk tujuan pertanian yang lain. Maka, penubuhan koperasi ini adalah bagi menyediakan alternatif kepada pasaran wang luar bandar yang didominasi oleh golongan ceti dan pemiutang Cina.

Walaupun penubuhan KKLBB ini bertujuan menyediakan alternatif kepada orang Melayu untuk mendapatkan wang bagi tujuan modal dan tujuan-tujuan lain, tidak semua orang Melayu dapat menyertai koperasi ini kerana pendapatan mereka yang rendah. Hal ini kerana penyertaan sebagai ahli koperasi ini adalah berdasarkan kepada simpanan tetap yang perlu dijelaskan secara tahunan. Justeru kemampuan kewangan adalah amat penting untuk menyertai koperasi tersebut. Bagi orang Melayu yang tidak mampu menyertai koperasi ini, maka mereka tidak dapat menerima keistimewaan yang disediakan koperasi. Lantaran itu, penubuhan KKLBB ini tidaklah benar-benar mencapai sasaran penubuhannya kerana tidak mampu memberi kesan signifikan dalam meningkatkan taraf ekonomi majoriti orang Melayu luar bandar yang rata-ratanya tidak mempunyai cukup wang untuk menyertai koperasi. Maka, tidak hairanlah kemiskinan Melayu luar bandar masih berterusan berlaku kerana ketidakcukupan wang dalam kalangan mereka untuk berintegrasi dengan baik dengan ekonomi kapitalis. Melihat kepada isu yang dihadapi oleh orang Melayu luar bandar semasa penjajahan ini, pelaksanaan dasar kerajaan pada masa sekarang dalam menyelesaikan isu kemiskinan luar bandar memerlukan perancangan yang teliti dan rapi serta paling penting bukanlah bermotifkan keuntungan. Hal ini kerana salah satu punca utama kegagalan dasar kerajaan kolonial menambah baik aspek sosial di Tanah Melayu semasa penjajahan adalah

lanjutan daripada dasarnya yang menjadikan keuntungan sebagai motif utama kepada pelaksanaan setiap dasar-dasarnya. Lantaran itu, golongan tidak bernasib baik terus ketinggalan dan tidak dapat mengecapi pertumbuhan ekonomi yang sedang pesat berlaku dan sekaligus menyebabkan berlakunya kesenjangan dalam agihan ekonomi.

NOTA

¹ Individu penting di sebalik penubuhan syarikat kerjasama atau koperasi untuk orang Melayu.

² Sehingga sekarang, juga modal ikatan sosial masih lagi penting untuk individu maju ke hadapan melalui perkongsiaan pengetahuan dan kepercayaan dan seterusnya menggalakkan kemajuan ekonomi (Sarmila et. al. 2023).

³ Isu hutang amat sinonim dengan kemiskinan dan ini amat berkait rapat dengan pendapatan yang rendah. Bahkan sehingga sekarang pun, petani merupakan antara golongan yang meraih pendapatan yang rendah seperti mana penternak dan nelayan (Muhammad Wafi, Sharifah Rohayah & Sofia Haminah 2019)

⁴ Sejak dari awal penubuhannya, telah ditegaskan bahawa asas kepada penubuhan KKLK adalah atas prinsip kerjasama dan bantu diri (*Selangor Secretariat File 980/1924*).

⁵ Namun menurut Kratoska, pinjaman kepada petani kecil mula disediakan sejak tahun 1908 oleh British bagi mengelakkan petani ini terus meminjam daripada ceti. Pinjaman tersebut disediakan untuk kegiatan pertanian atau pun bagi menebus kembali tanah yang dijual secara gadai janji kepada ceti (Kratoska 1975)

PENGHARGAAN

Kajian ini telah ditaja oleh Kementerian Pengajian Tinggi di bawah geran *Fundamental Research Grant Scheme (FRGS)* dengan kod rujukan KPT (FRGS/1/2023/SSI08/USM/02/1) dan kod akaun USM (203.PHUMANITI.6712167). Penghargaan juga ditujukan kepada Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur dan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia di atas bantuan yang diberikan bagi menyempurnakan kajian ini.

RUJUKAN

- A. Rahman Tang Abdullah & Mohd. Sohaimi Esa. 2021. Dilema ekonomi wang dalam masyarakat Melayu: Penubuhan syarikat perniagaan dan koperasi di Tanah Melayu pada awal abad ke-20 MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa 32(2). <https://doi.org/10.51200/manu.v32i2.3399>. Retrieved on: 26 Mei 2024.
- A. Rahman Tang Abdullah. 2021. The advent of capitalism and Malay dilemma in money economy: The foundation of business corporation and cooperative societies in colonial Malaya. *Paramitha: Historical Studies Journal* 31(1). <https://journal.unnes.ac.id/nju/index.php/paramita/article/view/28926>. Retrieved on: 22 Mei 2024.
- Aiza Maslan dan Mahani Musa. 2023. Isu tabungan orang Melayu dalam sejarah pengerjaan haji era kapal laut. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 50(2). <https://ejournal.ukm.my/jebat/article/view/64755/14212>. Retrieved on: 28 Mei 2024.
- Annual report on the social and economic progress of the people of Perak* 1910, 1911, 1918. Perpustakaan Hamzah Sendut 1: Universiti Sains Malaysia. (Microfilm 1488).
- Annual Report on the working of Co-operative Societies in Federated Malay States and Straits Settlement*, 1937.
- Annual Report on the working of Co-operative Societies in Federated Malay States and Straits Settlement*, 1938.

- Cavendish, A. 1922. "Co-operation as a subject for study in Malaya". Penang: Pinang Gazette Press, LTD.
- Federated Malay States* Government Gazette, 1937. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Fredericks, L. J. 1973. The impact of the cooperative movement In Colonial Malaya, 1922-40. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 46(2)(224).
<http://www.jstor.org/stable/41492079>
- Gamba, C. 1958. Poverty, and some socio-economic aspects of hoarding, saving and borrowing in Malaya. *Malayan Economic Review* 3(2).
- Haslindawati Saari, Azmah Abd Manaf & Norizan Kadir. 2023. Isu tanah dan hutang dalam kalangan orang Melayu Kedah berdasarkan Surat Undang-Undang, 1882-1909. *Akademika Journal of Southeast Asia Social Sciences and Humanities* 93(1).
<https://ejournals.ukm.my/akademika/article/view/48974/14175>. Retrieved on: 28 Mei 2024.
- Kratoska, P. 1975. *The chettiar and the Yeoman: British cultural categories and rural indebtedness in Malaya*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, No. 32.
- Lim, Teck Ghee. 1977. *Peasant and their agricultural economy in Colonial Malaya, 1874-1941*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Mohd Shazwan Mokhtar. 2022. Peranan Jabatan Pertanian dan diversiti pertanian kolonial di Tanah Melayu, 1920-1938. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 49(3). <https://ejournal.ukm.my/jebat/article/view/60519/13757>. Retrieved on: 2 Jun 2024.
- Mohd Shazwan Mokhtar. 2023. Pasaran buruh dan standard hidup di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu ketika kemelesetan ekonomi, 1929-1938. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 50(3).
<https://ejournal.ukm.my/jebat/article/view/67097/14450>. Retrieved on: 2 Jun 2024.
- Mohd Shazwan Mokhtar. 2024. Zaman meleset dan Pembangunan ekonomi kolonial di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1929-1938. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 51(1). <https://ejournal.ukm.my/jebat/article/view/72339/15217>. Retrieved on: 2 Jun 2024.
- Muhammad Wafi Ramli, Sharifah Rohayah Sheikh Dawood & Sofia Haminah Mohd Som. 2019. Cabaran hidup miskin dalam kalangan komuniti nelayan di tanjung Dawai, Kedah. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 15(1).
<https://ejournals.ukm.my/gmjss/article/view/28735/9021>. Retrieved on: 15 Jun 2024.
- No name. 1921. Chetties and rural banks. *Pinang Gazette and Straits Chronicle*, 21 December.
<https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/pinanggazette192112211.2.21?qt=rural,%20cooperative,%20credit&>. Retrieved on: 2 Jun 2024.
- No name. 1925. MALAY CO-OPERATIVE SOCIETIES. *The Straits Echo* (Mail Edition), 12 August.
<https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/straitsechomail19250812-1.2.63?qt=rural,%20cooperative,%20credit&q=rural%20cooperative%20credit>. Retrieved on: 2 Jun 2024.
- No name. 1935. Making Malay peasants prosperous. *The Straits Times*, 3 November.
<https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/straitstimes19351103-1.2.99?qt=rural,%20cooperative>. Retrieved on: 2 Jun 2024.

- No. name. 1923. Co-operative societies in MALAYA. *Pinang Gazette and Straits Chronicle*, 30 July. <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/page/pinangazette19230730-1.1.5>. Retrieved on: 2 Jun 2024.
- No. name. 1926. Perak Co-operation. *The Straits Times*, 5 July. <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/straitstimes19260705-1.2.4?qt=rural,%20cooperative,%20>, Retrieved on: 3 Jun 2024.
- No. name. 1937. Times are still hard in rural kampongs. *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser* (1884-1942), 26 April. <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/singfreepressb19370426-1.2.46>. Retrieved on: 3 Jun 2024.
- Nur Najwa Yusof, Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus and Noor Ain Mat Noor. 2023. Isu-isu kemiskinan dalam kalangan masyarakat Melayu Kedah pada suku pertama abad ke-20. *Kajian Malaysia* 41(1). <https://doi.org/10.21315/km2023.41.1.13>. Retrieved on: 26 Mei 2024.
- Parkinson, B.K. 1967. Non-economic factors in the economic retardation of the rural Malays. *Modern Asian Studies* 1(1): 31-46. <http://www.jstor.org/stable/311583>. Retrieved on: 26 Mei 2024.
- Sarmila Md Sum, Mohd Yusran Omar, Zaimah Ramli1, Azima Abdul Manaf & Rosmiza Mohd Zainol. 2023. Hubungan modal sosial terhadap aktiviti ekonomi pekebun kecil sawit. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 19(4). <https://ejournal.ukm.my/gmjss/article/view/65894>. Retrieved on: 15 Jun 2024.
- Selangor Secretariat File* 1290/1925. Co-operative Societies Department Annual Report 1924. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Selangor Secretariat File* 419/1935. Report on the activities of Co-operative Societies Department in the Federated Malay States and Straits Settlements, during 1935. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Selangor Secretariat File* 980/1924. Cooperative Societies Department, S.S. & F.M.S Annual report for 1923. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif. 2019. Penghijrahan masyarakat Melayu ke Kerian, Perak, 1816-1941. Ph.D. Thesis, Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif. 2021. Pengenalan Rancangan Pengairan Kerian dan kesannya terhadap aspek ekonomi petani padi di Kerian, Perak (1906-1941). *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 48(2). <https://ejournal.ukm.my/jebat/article/view/50308>. Retrieved on: 28 Mei 2024.
- Ungku Abdul Aziz. 1959. *Renchana-renchana ekonomi dan kemiskinan*. Singapore: Pustaka Melayu.
- Ungku Abdul Aziz. 1964. Poverty and rural development in Malaysia. *Kajian Ekonomi Malaysia* 1(1): 70-105.

Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif
Bahagian Sejarah
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia
Emel: snhafizah@usm.my